

ALOR SETAR, Jumaat — Tidak ada kuasa, kecuali Allah, yang dapat menghalang kerajaan menubuhkan Bank Islam di Malaysia, tegas Pengerusi Jawatankuasa Pengerangan UMNO Malaysia, Datuk Samsi Junid hari ini.

Katanya, Bank Islam, lambang ketinggian syiar Islam di negara ini akan tetap dilaksanakan oleh Kerajaan dan tidak siapa yang perlu meragukannya lagi.

Tuduhan setengah pihak yang mengatakan projek itu 'janji-janji kosong sahaja' tidak berasas sama sekali kerana Kerajaan giat berusaha untuk melancarkan bank tersebut tidak lama lagi.

Ketika dihubungi di Pejabat UMNO Nege-ri hari ini, Datuk Samsi Junid menegaskan projek Bank Islam itu apabila dilancarkan nanti akan melambangkan ketinggian moral umat Islam dan menjadi puncak kejayaan ekonomi orang-orang Melayu di negara ini.

"Langkah kerajaan menubuhkan Bank Islam bukanlah dibuat atas kepentingan politik tetapi adalah usaha yang gigh meningkatkan ekonomi orang Islam sejajar dengan sunah nabi dan ajaran Islam sendiri."

"Nabi Muhammad S.A.W juga seorang ahli perniagaan yang berjaya dan orang-orang Islam boleh mengambil contoh

teladan darinya," tambah beliau.

Difahamkan usaha-usaha terakhir penubuhan bank itu sudah selesai dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM), cuma beberapa perkara kecil mengenai pelaksanaannya yang memerlukan peneltian rapi.

Menurut Datuk Samsi, Kerajaan tidak mahu terburu-buru dalam melancarkan Bank Islam ini kerana Kerajaan mahu memastikan Bank tersebut betul-betul memainkan peranannya yang berkesan bila ditubuhkan nanti.

Tegasnya, adalah menjadi matlamat Kerajaan meningkatkan usaha niaga orang-orang Melayu di negara ini melalui bank tersebut.

Bagaimanapun, tambahnya, sebelum Bank itu dilancarkan, Kerajaan perlulah mengkaji secara men-

Kerajaan mampu tubuh B. Islam

dalam pelaksanaan dan kemudahan perkhidmatan Bank tersebut.

"Kita tidak mahu menubuhkannya terburu-buru kerana kalau Bank itu gagal kesannya amat buruk dan secara langsung menjatuhkan moral-moral orang Islam sendiri. Biarlah penubuhannya lambat sedikit asalkan kita dapat pastikan Bank tersebut mencapai kejayaannya," tambah beliau.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini juga telah menegaskan bahawa Kerajaan tetap melaksanakan Bank tersebut apabila persidangan para ulama telah diadakan tidak lama dulu bagi membincangkan secara khusus konsep dan fungsi Bank tersebut.